

## Pemaju hartanah MCHB rai media berbuka puasa

**SEREMBAN 27 Mei** - Lebih 30 pengamal media di negeri ini diraikan dalam majlis berbuka puasa oleh pemaju hartanah, Matrix Concepts Holdings Berhad (MCHB) di sebuah kelab rekreasi dekat Bandar Sri Sendayan (BSS) di sini.

Majlis yang dianjurkan saban tahun itu memberi peluang kepada MCHB mendekati para pengamal media untuk mengeratkan hubungan serta menzahirkan tanda terima kasih di atas liputan media serta sokongan berterusan media massa terhadap syarikat tersebut.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif MCHB, Datuk Lee Thian Hock berkata, melalui majlis itu, pihaknya dapat beramah mesra dan bertukar-tukar pandangan mengenai pelbagai perkara yang memberi manfaat bersama.

"Majlis ini merupakan simbolik penghargaan dan meraikan media yang telah memberi kerjasama membuat liputan berita kejayaan dan aktiviti semasa MCHB.

"Tanpa penglibatan dan komitmen tinggi pihak media, mungkin program dan berita semasa kami tidak sampai ke khalayak umum khususnya penduduk



**MOHAMAD HASLAH MOHAMAD AMIN** (lima dari kiri) dan **Lee Tian Hock** (empat dari kiri) bersama pengamal media semasa sidang akhbar Matrix Aidilfitri Festival serta Majlis Berbuka Puasa bersama Media & Legenda Rock Malaysia di Bandar Sri Sendayan, semalam. - UTUSAN/ ASWAD YAHYA

negeri ini," katanya.

Pada majlis itu juga, Pengerusi MCHB, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin mengumumkan penganjuran Matrix Aidilfitri Festival 2018 dengan pengisian satu konsert raya yang akan berlang-

sung pada 30 Jun ini di BSS.

Katanya, dua kumpulan rock berpengaruh iaitu Search dan Spider serta sebuah kumpulan indie - Hujan, bakal memanaskan pentas dalam pertembungan arena rock yang pasti akan menggegar-

kan para penonton dengan persembahan Legenda Rock tersebut.

"Konsert ini yang diadakan berhampiran d'Tempat Country Club di BSS terbuka kepada orang ramai secara percuma," ujarnya.